

Kepimpinan jamin kejayaan organisasi

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

PUTRAJAYA (28 Februari) - Pelajar Trimester tujuh, Bachelo Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dengan kerjasama Biro Tatanegara (BTN), Putrajaya menganjurkan Seminar Pengurusan Kepimpinan Organisasi Cemerlang 2006 baru-baru ini.

Program ini salah satu aktiviti di luar kampus yang memerlukan kemahiran akademik mahu pun teori yang dipelajari seterusnya dipraktikkan secara efektif, menerusi kursus KOC 3231- Teori Komunikasi Keorganisasian.

Selain itu, ianya diadakan untuk memberi penerangan kepada mahasiswa kepentingan kepemimpinan di masa akan datang. Dengan arus globalisasi pada masa ini menyebabkan kepincangan dalam kepemimpinan masa kini.

Setiausaha Politik, Datuk Dr. Adham Baba, dari Kementerian Pengajian Tinggi turut mengkongsikan pengalaman dan pandangan beliau berkenaan kepemimpinan. "Peningkatan kecemerlangan hanya dapat dilakukan dengan kecemerlangan kepemimpinan., bukan sahaja di pimpin, tetapi pengikutan yang mengikuti aspirasi," katanya.

"Kepimpinan adalah peranan besar

dalam kejayaan organisasi. Organisasi yang cekap bukan sahaja untuk rakyat Malaysia sahaja tetapi juga untuk rakyat luar negara. Ini adalah penting bagi merealisasikan organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya lagi.

Ini turut dipersetujui oleh Timbalan Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Dr. Ibrahim Salleh, kepemimpinan merupakan satu syarat dalam memimpin dan komunikasi tidak dapat dipisahkan dalam proses kepemimpinan.

Pihak Biro Tatanegara (BTN) turut memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi melatih mahasiswa dalam kepemimpinan untuk masa akan datang.

Menurut Penolong Pengarah, Bahagian Mahasiswa dan Pelajaran Remaja BTN, Mohd Zaidi Zaidin berkata, pihak BTN akan beri sokongan kepada mahasiswa dalam kepemimpinan kerana ianya adalah aset penting untuk kegunaan di masa akan datang.

Dalam pada itu, antara aktiviti yang diadakan pada seminar sehari ini adalah menampilkan para pelajar trisemester 7 memberikan ceramah berkenaan kepemimpinan organisasi oleh Meganathan Suppiah dan Fauzi Che Yusuf.